



**SETIAUSAHA**  
*Secretary*  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
*Public Services Commission Malaysia*  
**ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F**  
**NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62000 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8091 9000  
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 ( 19 )

Tarikh : 10 Mei 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI  
SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI HINGGA MAC) TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan laporan-laporan pemerhatian terdahulu adalah berkaitan.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (LRTT) telah menimbang rayuan pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib (LTT) bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, LRTT mendapati masih terdapat ketidakaturan prosedur dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh LTT. Berdasarkan penelitian kes-kes rayuan terdahulu, adalah didapati sebahagian besar ketidakaturan yang berlaku adalah ketidakaturan berulang. Ketidakaturan prosedur ini boleh



menyebabkan keputusan LTT dicabar di mahkamah sekiranya pegawai memfailkan semakan kehakiman dan keputusan tersebut boleh dibatalkan oleh mahkamah.

4. Bagi memastikan keteraturan prosedur dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh LTT, LRTT telah membuat pemerhatian terhadap kertas-kertas rayuan yang dipertimbangkan seperti di Lampiran.

5. Untuk makluman, pemerhatian LRTT yang pertama telah mula diedarkan pada suku tahun ketiga tahun 2020 melalui surat edaran bertarikh 24.9.2020. Sehingga kini, sebanyak 11 pemerhatian LRTT telah dikeluarkan. Pemerhatian-pemerhatian tersebut juga boleh dicapai melalui portal rasmi SPA di [www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my).


6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon mengingatkan semua urus setia dan LTT untuk mengambil perhatian serius terhadap pemerhatian ini serta mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur dalam menguruskan kes tatatertib bagi memastikan keputusan LTT teratur dan kepentingan perkhidmatan awam dapat dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)**

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM**  
**BAGI SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI-MAC) TAHUN 2024**

**1. SURAT PERTUDUHAN**  
**BILANGAN PEMERHATIAN: 27**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Kelewatan mengeluarkan surat pertuduhan.	Tindakan tatatertib hendaklah segera dimulakan terhadap pegawai apabila lembaga tatatertib menerima laporan salah laku.
2.	Kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai.	Memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat.
3.	Pertuduhan tidak jelas atau tidak lengkap dan tidak memperincikan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai.	Memastikan semua fakta dan butir-butir yang spesifik berhubung perbuatan salah laku pegawai serta peruntukan mana-mana peraturan yang dilanggar dimasukkan di dalam surat pertuduhan.
4.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
5.	Menggabungkan beberapa fakta kesalahan dalam satu pertuduhan.	Satu pertuduhan hendaklah mengandungi satu kesalahan sahaja.
6.	Penggunaan nama lembaga tatatertib yang tidak tepat.	Penggunaan nama lembaga tatatertib hendaklah tepat dan betul.
7.	Tidak merujuk kepada Peraturan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] sedangkan kesalahan yang dipertuduh merujuk kepada perakuan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.	Merujuk Peraturan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) P.U.(A) 395/1993 bagi perakuan Pegawai Perubatan yang mengesah dan memperakui pegawai ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
8.	Terdapat catatan yang tidak sepatutnya dimasukkan dalam surat pertuduhan namun dimasukkan dalam pertuduhan.	Contoh catatan adalah catatan jumlah minit lewat hadir bertugas dan balik awal. Pernyataan maklumat minit ini tidak perlu dinyatakan dalam surat pertuduhan.
9.	Menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu (1) pertuduhan.	Tidak perlu menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu pertuduhan.
10.	Bagi kes tidak hadir bertugas, tarikh yang disenaraikan merupakan semua tarikh dalam bulan kalendar.	Hanya memasukkan tarikh pegawai tidak hadir sahaja.
11.	Tidak membuat rujukan kepada peraturan bagi kesalahan tidak hadir bertugas iaitu Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].	Pemilihan peruntukan hendaklah yang berkaitan dengan kesalahan.
12.	Membuat rujukan kepada Peraturan 33(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] bagi pegawai yang telah dikenakan perintah pengawasan dan bukannya dikenakan dengan suatu sabitan jenayah oleh mahkamah.	Peraturan yang tepat untuk dirujuk adalah Peraturan 32(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].
13.	Membuat rujukan kepada peraturan bagi kesalahan keterhutangan kewangan yang serius iaitu Peraturan 13(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].	Peraturan 13(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] adalah mencukupi.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

**a. Pertuduhan yang lengkap (*Knowing the case against him*)**

Sesuatu pertuduhan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang tepat, jelas, berasas dan mempunyai bukti yang mencukupi untuk tujuan pembelaan diri.

**B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] MLJ, FC**

Penghakiman *Privy Council* di muka surat 17:

*“if the right to be heard is to be a real right which is worth anything it must carry with it a right in the accused person to made affecting him; and then he must be given a fair opportunity to correct or contradict them. The decision-maker must not hear or receive evidence behind the back of the accused person.”*

**b. Kelewatan (*Delay*) dan Pemaafan (*Condonation*)**

- i. **Mohd Zulhazi Mohd Zulkifli v Suruhanjaya Pasukan Polis DiRaja Malaysia & 1 lagi [2014] 1LNS 574**  
(Mahkamah Rayuan) - Kelewatan selama 5 tahun mengambil tindakan tatatertib
- ii. **Public Service Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (Menggantikan M Senthivelu a/l R. Marimuthu (si mati) [2008] 6 MLJ 1**  
(Mahkamah Persekutuan)

Kelewatan 7 tahun mengambil tindakan tatatertib, di mana mahkamah telah menegaskan bahawa kelengahan yang panjang dalam mengendalikan tindakan tatatertib terhadap pekerja, jika tiada penjelasan yang munasabah berkaitan dengan kelengahan tersebut dan ditambah dengan faktor-faktor lain, boleh membangkitkan keterangan kukuh bahawa perbuatan salah laku pekerja terbabit telah dimaafkan oleh majikannya.

**2. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP REPRESENTASI  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Penyediaan ulasan oleh pegawai yang turut terlibat secara langsung dalam kesalahan yang dipertuduhkan.	Penyediaan ulasan hendaklah disediakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam kesalahan yang dipertuduhkan.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

**Rules Against Bias**

**Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia [1989] 1 MLJ 487, HC**

*'When the disciplinary authority was deliberating the breach of discipline, the Registrar, who was complainant, was present. The court quashed the decision to dismiss the plaintiff on the grounds of bias, as the Registrar was present during the deliberations to dismiss the plaintiff'.*

**3. MINIT MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB  
BILANGAN PEMERHATIAN: 21**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Nama lembaga tatatertib tidak dinyatakan dengan lengkap.	Nama lembaga tatatertib hendaklah dinyatakan dengan lengkap.
2.	Kesilapan catatan tarikh surat pertuduhan.	Catatan tarikh surat pertuduhan yang betul.
3.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
4.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
5.	Urus setia mengulas mengenai kesalahan yang tidak dipertuduhkan ke atas pegawai.	Urus setia hendaklah mengulas perkara yang mengenai kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai sahaja.
6.	Terdapat catatan pegawai ditahan kerja dan digantung kerja berkuat kuasa pada tarikh yang sama.	Berdasarkan Peraturan 44 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], pegawai boleh ditahan kerja apabila prosiding jenayah dimulakan terhadapnya dan perintah gantung kerja di bawah Peraturan 45 pula dikenakan apabila seseorang pegawai disabitkan atas suatu kesalahan jenayah. Pengenaan perintah tahan kerja di bawah Peraturan 44 adalah tidak wajib dan oleh yang demikian, sekiranya pegawai telah pun disabitkan atas suatu kesalahan jenayah, maka tidak terdapat lagi keperluan perundangan

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
		untuk pegawai ditahan kerja. Pegawai tersebut hendaklah digantung kerja sahaja.
7.	Tidak menyatakan tarikh kuat kuasa hukuman yang dikenakan.	Setiap hukuman hendaklah dinyatakan tarikh kuat kuasa hukuman.
8.	Dapatan salah dan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Dapatan salah dan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
9.	Tiada catatan berkaitan dengan permohonan pendengaran lisan oleh pegawai.	Pihak Lembaga jabatan sewajarnya menimbang permohonan ini dan membuat keputusan sama ada membenarkan atau menolak. Jika memutuskan untuk tidak memberikan pendengaran lisan, alasan perlu dinyatakan dalam minit mesyuarat.
10.	Tiada catatan menunjukkan semakan dibuat sama ada pegawai ada memfailkan permohonan Habeas Corpus di Mahkamah Tinggi bagi mencabar perintah tersebut.	Semakan ini perlu dibuat sebelum Lembaga Tatatertib memutuskan kes pegawai kerana sekiranya permohonan Habeas Corpus di Mahkamah Tinggi dibenarkan, perintah tersebut akan dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi.
11.	Tidak merujuk kepada peraturan yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.	Rujukan kepada peraturan hendaklah tepat dan betul bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.
12.	Menyatakan dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.	Tidak membuat dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

**a. Keperluan menyatakan dapatan salah**

**Hamdan Bin Ibrahim V Lembaga Tatatertib Hospital Kuala Kangsar & Anor [2000] MLJU 634, HC**

Mahkamah menyatakan bahawa "*This court finds that regulation 27(2) is crystal clear that in order to impose the punishment as stipulated under the regulation, the plaintiff must first be found guilty. As the finding of guilt against the plaintiff was nowhere stated either in the letter dated 14.6.96 - exhibit SY 3 or even in any of the affidavits affirmed on behalf of the respondent and relied on by the learned Federal counsel, this court finds that this is a clear case of serious procedural unfairness or breach of procedural fairness and exceeds jurisdiction, which calls for intervention by this court in the decision or the process leading to it*".

**b. Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan**

**Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1 ), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi (Mahkamah Rayuan Malaysia)**

Terdapat lima (5) pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**4. SURAT KEPUTUSAN  
 BILANGAN PEMERHATIAN: 25**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Kesilapan catatan dan tidak menyatakan tarikh kuat kuasa hukuman.	Memastikan catatan tarikh kuat kuasa hukuman dinyatakan dengan betul dan tepat.
2.	Tidak merujuk kepada peraturan yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.	Rujukan kepada peraturan hendaklah tepat dan betul bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.
3.	Menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu (1) pertuduhan.	Tidak perlu menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu pertuduhan.



BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
4.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.
5.	Tidak menyatakan representasi yang dikemukakan oleh pegawai telah ditimbang.	Kenyataan bahawa representasi pegawai telah ditimbang hendaklah dinyatakan.
6.	Menyatakan dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.	Tidak membuat dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.
7.	Mempunyai perbezaan kenyataan dengan minit mesyuarat.	Kenyataan hendaklah selaras dengan minit mesyuarat.
8.	Hukuman yang dinyatakan tidak jelas dan lengkap.	Hukuman yang dinyatakan hendaklah jelas dan lengkap.
9.	Penggunaan nama lembaga tatatertib yang tidak tepat.	Penggunaan nama lembaga tatatertib hendaklah tepat dan betul.
10.	Fakta kesalahan di dalam surat pertuduhan dimasukkan secara sepenuhnya di dalam surat keputusan.	Surat keputusan tidak perlu menyatakan fakta pertuduhan, mencukupi dengan keputusan dapatan salah dan hukuman.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

**Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan**

**Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1 ), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi**  
(Mahkamah Rayuan Malaysia)

Terdapat lima pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**5. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP RAYUAN  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Penyediaan ulasan oleh pegawai yang turut terlibat secara langsung dalam kesalahan yang dipertuduhkan.	Penyediaan ulasan hendaklah disediakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam kesalahan yang dipertuduhkan.

**6. PERINTAH TAHAN KERJA  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Surat Perintah Tahan Kerja tidak diserahkan kepada pegawai.	Peraturan 20, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] memperuntukkan segala keputusan Lembaga Tatatertib berkenaan seseorang pegawai hendaklah diberitahu kepada pegawai itu secara bertulis.

**7. PERINTAH GANTUNG KERJA  
BILANGAN PEMERHATIAN: 3**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Perintah Gantung Kerja pegawai merujuk kepada Peraturan 46 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].	Peraturan yang sewajarnya dirujuk adalah Peraturan 28(6) dan Peraturan 45 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].
2.	Surat Perintah Gantung Kerja tidak diserahkan kepada pegawai.	Peraturan 20 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] memperuntukkan segala keputusan Lembaga Tatatertib berkenaan seseorang pegawai hendaklah diberitahu kepada pegawai itu secara bertulis.

**8. PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI KES SABITAN MAHKAMAH  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Perakuan tidak merujuk kepada Peraturan 29(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].	Perakuan Ketua Jabatan hendaklah dirujuk berdasarkan Peraturan 29(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

**9. PERAKUAN PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN BAGI KES DADAH  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

<b>BIL.</b>	<b>PEMERHATIAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
1.	Membuat dua (2) tandaan pada kotak (a) iaitu dia ialah seorang penagih dadah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan kotak (b) iaitu dia ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.	Pegawai Perubatan Kerajaan sewajarnya membuat satu (1) tandaan sahaja.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
APRIL 2024**